

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Isnin, 31 Julai 2023



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BAGI PENERBITAN ANGGARAN PENDUDUK SEMASA, MALAYSIA, 2023

Malaysia mencatatkan kadar pertumbuhan penduduk 2.1 peratus didorong oleh migrasi antarabangsa

PUTRAJAYA, 31 Julai 2023 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah mengeluarkan statistik berkaitan **Anggaran Penduduk Semasa, Malaysia, 2023** pada hari ini. Laporan ini memaparkan anggaran penduduk di Malaysia bagi tahun 2022 dan 2023. Anggaran penduduk semasa adalah berasaskan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2020. Anggaran penduduk ini menggunakan kaedah komponen kohort yang meliputi kelahiran, kematian, migrasi dalaman dan migrasi antarabangsa.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Jumlah penduduk Malaysia pada 2023 dianggarkan 33.4 juta berbanding 32.7 juta pada 2022 dengan kadar pertumbuhan penduduk tahunan 2.1 peratus. Peningkatan kadar pertumbuhan penduduk ini disebabkan oleh pertambahan bilangan penduduk Bukan Warganegara yang lebih tinggi iaitu meningkat daripada 2.5 juta (2022) kepada 3.0 juta (2023). Penduduk Warganegara meningkat daripada 30.2 juta pada 2022 kepada 30.4 juta pada 2023 dengan pertumbuhan yang kecil iaitu 0.7 peratus (2022: 0.6%)".

Peningkatan kadar pertumbuhan penduduk ini turut berlaku di beberapa negara lain seperti Singapore (3.4%), Australia (1.9%), Germany (1.3%), Canada (0.7%) dan United States of America (0.5%).

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Tiga negeri iaitu Sabah (5.1%), W.P. Labuan (2.6%) dan Selangor (2.2%) telah melepasi kadar pertumbuhan nasional 2.1 peratus. Tiga negeri yang mencatatkan komposisi penduduk tertinggi pada 2023 ialah Selangor (21.6%) diikuti Johor (12.3%) dan Sabah (10.8%). Sebaliknya, W.P. Labuan dan W.P. Putrajaya mencatatkan komposisi penduduk terendah iaitu masing-masing 0.3 peratus dan 0.4 peratus".

Komposisi penduduk Warganegara menurun daripada 92.4 peratus (2022) kepada 91.1 peratus pada 2023. Ini menyumbang kepada peningkatan komposisi penduduk Bukan Warganegara daripada 7.6 peratus kepada 8.9 peratus dalam tempoh yang sama. Peningkatan ini selaras dengan pembukaan semula sempadan negara mulai 1 April 2022 dan pelaksanaan Program Rekalibrasi Tenaga Kerja 2.0 mulai Januari 2023.

Lelaki melebihi perempuan pada 2023 iaitu masing-masing 17.5 juta dan 15.9 juta. Nisbah jantina bagi keseluruhan penduduk ialah 110 lelaki bagi setiap 100 perempuan. Bagi tempoh 2022-2023, nisbah jantina Warganegara kekal pada 103 manakala Bukan Warganegara menurun daripada 227 kepada 226 lelaki bagi setiap 100 perempuan.

Secara keseluruhan, kesemua negeri di Malaysia mencatatkan lelaki melebihi perempuan kecuali bagi negeri Perlis (99) dan W.P. Putrajaya (98). Negeri yang mencatatkan nisbah jantina tertinggi adalah W.P. Kuala Lumpur dengan 115 lelaki bagi setiap 100 perempuan diikuti oleh Johor (114), Pahang (113) dan Selangor (113).

Komposisi penduduk berumur 15-64 tahun (umur bekerja) meningkat daripada 69.6 peratus pada 2022 kepada 70.0 peratus pada 2023. Peratusan penduduk berumur 65 tahun dan lebih (umur tua) meningkat daripada 7.2 peratus kepada 7.4 peratus bagi tempoh yang sama. Manakala, komposisi penduduk berumur 0-14 tahun (umur muda) pada 2023 menurun kepada 22.6 peratus berbanding 23.2 peratus pada 2022. Umur

penengah penduduk Malaysia mencecah 30.7 tahun pada 2023 iaitu meningkat daripada 30.4 tahun pada tahun sebelum.

W.P. Putrajaya mencatatkan komposisi penduduk muda (0-14 tahun) pada 2023 tertinggi dengan 36.1 peratus. Manakala W.P. Kuala Lumpur mencatatkan komposisi penduduk umur bekerja (15-64 tahun) tertinggi dengan 75.0 peratus. Perak kekal sebagai negeri paling tua (9.7%), manakala Johor telah muncul sebagai negeri menua (7.0%) pada 2023.

Bumiputera menyumbang 70.1 peratus daripada 30.4 juta Warganegara pada 2023 (2022: 69.9%). Bagaimanapun, komposisi Cina menurun kepada 22.6 peratus (2022: 22.8%) manakala India dan Lain-lain masing-masing kekal pada 6.6 peratus dan 0.7 peratus.


Purata kepadatan penduduk Malaysia ialah 101 orang bagi setiap kilometer persegi. W.P. Kuala Lumpur mempunyai kepadatan penduduk tertinggi dengan 8,235 orang bagi setiap kilometer persegi, diikuti oleh W.P. Putrajaya (2,017 orang) dan Pulau Pinang (1,718 orang). Sarawak mempunyai kepadatan penduduk terendah dengan 20 orang bagi setiap kilometer persegi, diikuti oleh Pahang (45 orang) dan Sabah (48 orang).

DOSM sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah *“Connecting the World with Data We Can Trust”*.

Carta 1: Bilangan dan kadar pertumbuhan penduduk tahunan, Malaysia, 2021-2023




^p Permulaan

Jadual 1: Bilangan dan kadar pertumbuhan tahunan penduduk mengikut negeri, 2022 dan 2023^p


Negeri	Bilangan penduduk (juta)		Kadar pertumbuhan tahunan (%)	
	2022	2023 ^p	2022	2023 ^p
Malaysia	32.70	33.38	0.4	2.1
Johor	4.03	4.10	0.2	1.8
Kedah	2.16	2.19	0.5	1.1
Kelantan	1.83	1.86	1.0	1.5
Melaka	1.01	1.03	0.4	1.9
Negeri Sembilan	1.21	1.22	0.3	1.4
Pahang	1.61	1.64	0.8	1.7
Perak	2.51	2.54	(0.1)	1.0
Perlis	0.29	0.29	0.7	1.0
Pulau Pinang	1.74	1.77	0.1	1.7
Sabah	3.41	3.59	0.1	5.1
Sarawak	2.47	2.51	0.3	1.4
Selangor	7.05	7.21	0.5	2.2
Terengganu	1.19	1.21	1.4	1.9
W.P. Kuala Lumpur	1.96	2.00	(0.1)	1.9
W.P. Labuan	0.10	0.10	0.9	2.6
W.P. Putrajaya	0.12	0.12	1.5	1.9

^p Permulaan


Carta 2: Kelahiran hidup dan kadar kelahiran kasar, Malaysia, 2011-2021



Carta 3: Kadar kesuburan jumlah, Malaysia, 1970-2021



Carta 4: Kematian dan kadar kematian kasar, Malaysia, 2011-2021



Dikeluarkan oleh:

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

31 JULAI 2023

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Monday, 31 July 2023



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

FOR CURRENT POPULATION ESTIMATES, MALAYSIA, 2023

Malaysia registered 2.1 per cent population growth led by international migration

PUTRAJAYA, 31 July 2023 – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has released the statistics on the **Current Population Estimates, Malaysia, 2023** today. This report presents the population estimates in Malaysia for 2022 and 2023. The annual current population estimates are based on the Population and Housing Census Malaysia, 2020. The population estimates use cohort-component method which comprise of births, deaths, internal migration and international migration.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The total population of Malaysia in 2023 was estimated at 33.4 million as compared to 32.7 million in 2022 with an annual population growth rate of 2.1 per cent. The increase in population growth rate was due to the higher number of Non-citizens which increased from 2.5 million (2022) to 3.0 million (2023). The Citizens population increased from 30.2 million in 2022 to 30.4 million in 2023 with a marginal growth of 0.7 per cent (2022: 0.6%)".

The increase in population growth rate was also occurred in other countries such as Singapore (3.4%), Australia (1.9%), Germany (1.3%), Canada (0.7%) and the United States of America (0.5%).

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin added, "Three states namely Sabah (5.1%), W.P. Labuan (2.6%) and Selangor (2.2%) have surpassed the national growth rate of 2.1 per cent. The three states with the highest population composition in 2023 were

Selangor (21.6%), followed by Johor (12.3%) and Sabah (10.8%). On the other hand, W.P. Labuan and W.P. Putrajaya recorded the lowest population composition at 0.3 per cent and 0.4 per cent respectively”.

The composition of Citizens population decreased from 92.4 per cent (2022) to 91.1 per cent in 2023. This attributed to the increased in the composition of the Non-citizens population from 7.6 per cent to 8.9 per cent during the same period. The increase is in line with the re-opening of national borders from 1 April 2022 and the implementation of the Employment Recalibration Programme 2.0 since January 2023.

Males outnumbered females in 2023 with 17.5 million and 15.9 million respectively. The sex ratio for overall population was 110 males for every 100 females. For the period of 2022-2023, the sex ratio for Citizens remained at 103 while Non-citizens declined from 227 to 226 males for every 100 females.

Overall, all states in Malaysia recorded males exceeded females except for Perlis (99) and W.P. Putrajaya (98). The states that recorded the highest sex ratio were W.P. Kuala Lumpur with 115 males per 100 females followed by Johor (114), Pahang (113) and Selangor (113).

The composition of population aged 15-64 years (working age) increased from 69.6 per cent in 2022 to 70.0 per cent in 2023. The percentage of the population aged 65 years and over (old age) increased from 7.2 per cent to 7.4 per cent for the same period. Meanwhile the composition of population aged 0-14 years (young age) in 2023 decreased to 22.6 per cent as compared to 23.2 per cent in 2022. The median age of Malaysia’s population reached 30.7 years in 2023, up from 30.4 years in the previous year.

W.P. Putrajaya recorded the highest composition of young age population (0-14 years) in 2023 at 36.1 per cent. Meanwhile, W.P. Kuala Lumpur recorded the highest number of working age population (15-64 years) with 75.0 per cent. Perak remained as the leading ageing states (9.7%), while Johor has emerged as an ageing state (7.0%) in 2023.

Bumiputera accounted 70.1 per cent out of 30.4 million Citizens in 2023 (2022: 69.9%). Nevertheless, the composition of the Chinese decreased to 22.6 per cent (2022: 22.8%) while Indians and Others remained at 6.6 per cent and 0.7 per cent respectively.


The average population density of Malaysia is 101 persons per square kilometer. W.P. Kuala Lumpur has the highest population density with 8,235 persons per square kilometer, followed by W.P. Putrajaya (2,017 persons) and Pulau Pinang (1,718 persons). Sarawak has the lowest population density with 20 persons per square kilometer, followed by Pahang (45 persons) and Sabah (48 persons).

DOSM is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing information and ensuring the success of this census. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “Connecting the World with Data We Can Trust”.

Chart 1: Number and annual population growth rate, 2021-2023



^p Preliminary

Table 1: Number and annual growth rate of population by state, 2022 and 2023^p

State	Number of population (million)		Annual growth rate (%)	
	2022	2023 ^p	2022	2023 ^p
Malaysia	32.70	33.38	0.4	2.1
Johor	4.03	4.10	0.2	1.8
Kedah	2.16	2.19	0.5	1.1
Kelantan	1.83	1.86	1.0	1.5
Melaka	1.01	1.03	0.4	1.9
Negeri Sembilan	1.21	1.22	0.3	1.4
Pahang	1.61	1.64	0.8	1.7
Perak	2.51	2.54	(0.1)	1.0
Perlis	0.29	0.29	0.7	1.0
Pulau Pinang	1.74	1.77	0.1	1.7
Sabah	3.41	3.59	0.1	5.1
Sarawak	2.47	2.51	0.3	1.4
Selangor	7.05	7.21	0.5	2.2
Terengganu	1.19	1.21	1.4	1.9
W.P. Kuala Lumpur	1.96	2.00	(0.1)	1.9
W.P. Labuan	0.10	0.10	0.9	2.6
W.P. Putrajaya	0.12	0.12	1.5	1.9

^p Preliminary

Chart 2: Live births and Crude birth rate, Malaysia, 2011-2021




Chart 3: Total Fertility Rate, Malaysia, 1970-2021





Chart 4: Deaths and crude death rate, Malaysia, 2011-2021



Released by:

DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

31 JULY 2023